

Headline **Hantar pulang banduan warga asing**
Date **19 Feb 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **N8**
Article Size **255 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,403**
PRValue **4,208**



Hantar pulang banduan warga asing

Jalani hukuman di negara asal, atasi masalah kesesakan penjara: Hishammuddin

HUSSAINI AMRAN

MELAKA - Banduan warga asing kemungkinan dihantar pulang untuk menjalani hukuman penjara di negara asal mereka.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, cadangan berkenaan berupaya mengurangkan kesesakan di 31 penjara sekitar negara ini.

"Pada masa ini, terdapat seramai 10,800 banduan warga asing di semua penjara di seluruh negara dan jumlah itu menghampiri 30 peratus daripada keseluruhan 36,040 banduan," katanya pada sidang akhbar selepas melawat Kompleks

Penjara Melaka di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalannya, Datuk Wira Abu Seman Yusop, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan Ketua Pengarah Penjara, Datuk Zulkifli Omar.

Kompleks penjara baru seluas 52 hektar itu dibina dengan kos kira-kira RM305 juta dan boleh memuatkan

sehingga 2,000 banduan.

Hishammuddin berkata, kerajaan akan berunding dengan negara-negara terbabit bagi mewujudkan kerjasama dua hala berhubung pertukaran banduan antara dua negara.

Sementara itu, kata beliau, kesesakan banduan juga dapat diatasi menerusi program komuniti diperkenalkan Jabatan Penjara.

Menurutnya, banduan yang mempunyai baki hukuman kurang setahun layak mengikuti program berkenaan di lokasi dalam lingkungan tidak lebih 20 kilometer dari penjara.

"Selain itu, banduan kesalahan ringan seperti ragut dan dadah terutamanya membabitkan juvana layak dipertimbangkan untuk menjalani program komuniti.

"Dengan cara itu, mereka dapat diasangkan daripada banduan kesalahan berat seperti rogol atau bunuh se-terusnya mengelakkan di-

pengaruhi melakukan menjayah lebih serius selepas dibebaskan kelak," katanya.

Menurutnya, banduan yang menyertai program komuniti di luar penjara bakal melakukan aktiviti khidmat masyarakat, khidmat bakti berbayar dan bekerja menerusi usaha sama antara Jabatan Penjara dengan pelbagai sektor.

Hishammuddin berkata, banduan terbabit juga dapat mempelajari kemahiran asas diperlukan untuk mencari sumber pendapatan di samping mempersiapkan diri untuk kembali ke pangkuhan masyarakat.

Dalam pada itu, jelas beliau, sebuah penjara perubatan akan dibina khusus bagi menempatkan banduan-banduan menghidap penyakit kronik seperti HIV.

Menurutnya, pada masa ini, kementeriannya sedang mengenal pasti lokasi sesuai untuk pembinaan fasiliti berkenaan.



● Hishammuddin (kiri) tertarik melihat senjata digunakan pengawal penjara semasa melawat Kompleks Penjara Melaka di Sungai Udang, semalam.